

PANDUAN MEMILIH PASANGAN

MUKADIMAH PERKAHWINAN

Pendahuluan

Sesungguhnya bahagiannya rumah tangga, lahirnya anak yang baik dan cerdas, serta kekalnya kehidupan rumahtangga adalah terletak kepada pemilihan suami isteri yang baik. Pemilihan itu mestilah dilakukan dengan penuh rasa sedar, tidak dipengaruhi oleh perasaan yang bergolak atau keinginan untuk memperolehi maslahat tertentu yang bersifat sementara. Pemilihan itu mestilah berasaskan dasar yang kukuh dan akan bertambah kukuh dari semasa ke semasa.

Akad nikah memberikan kesan yang besar, kekal untuk satu tempoh masa yang panjang serta dipenuhi dengan tanggungjawab. Oleh itu kedua-dua calon suami isteri mestilah mengambil langkah-langkah yang perlu sebelum akad dijalankan. Ini supaya setelah akad dijalankan, kedua-duanya akan melangkah dengan yakin bahawa segala sifat-sifat dan kelengkapan yang ada akan membolehkannya mencapai matlamat perkahwinan dan dia yakin dengan masa depan perkahwinannya.

Langkah-langkah itu ialah:

- Mencari sifat-sifat yang dituntut pada kedua-dua pasangan.
- Melihat bakal tunangnya.
- Meminang.

A. Mencari sifat-sifat yang dituntut pada kedua-dua pasangan

Islam telah menggariskan sifat yang perlu ada pada calon pengantin perempuan dan pengantin lelaki. Seseorang yang ingin berkahwin mestilah mencari suami atau isteri yang bersifat dengan sifat-sifat berikut:

1. Agama yang sahih (betul) dan akhlak yang mantap

Lelaki yang bakal berkahwin mestilah beragama dan mempunyai akhlak yang baik. Bakal isteri juga perlu beragama dan mempunyai akhlak yang baik. Nabi s.a.w. bersabda:

إِذَا حَاطَبَ إِلَيْكُمْ مَنْ تَرَضَّوْنَ دِينَهُ وَحَلَقَهُ فَرَّوْجُوهُ إِلَّا تَفْعَلُوا تَكُنْ فِتْنَةً فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ عَرِيضٌ

*"Apabila orang yang kamu redhai agama dan akhlnaknya datang meminang, hendaklah kamu kahwinkannya. Jika kamu tidak mengahwinkannya nescaya akan berlaku fitnah dan kerosakan yang besar di atas muka bumi."*²⁵

تُنكحُ المرأةُ لأربعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسْبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرِ بِذَاتِ
الدِّينِ تَرَبَّتْ يَدَاكَ

*"Seseorang perempuan dikahwini kerana empat perkara: Harta, keturunann, kecantikan dan agamanya. Pilihlah yang beragama, kamu memerlukannya."*²⁶

Kalimah kamu memerlukannya di dalam hadis di atas digunakan dengan maksud memberi galakan dan dorongan.

Maksud beragama dan berakhlak ialah taat, mengerjakan amal soleh, menjauhkan perkara-perkara yang haram serta menunaikan segala tanggungjawab rumahtangga.

Hikmat mendahulukan perempuan yang beragama dan berakhlak.

Hikmatnya ialah agama akan bertambah kukuh dengan berlalunya masa dan akhlak akan terus mantap apabila menempuhi dugaan kehidupan.

Jika kedua-dua pasangan memilih agama dan akhlak sebagai asas perkahwinan, ini akan menjamin kasih sayang dan kecintaan yang berterusan.

Ini tidak bererti seseorang perlu mengenyepikan unsur-unsur keturunan dan kecantikan. Maksud sebenar hadis di atas ialah orang yang beragama dan berakhlak adalah pilihan utama. Di masa yang sama jika kesemua sifat tadi wujud pada seorang wanita, itu adalah satu rahmat daripada Allah dan itulah yang terbaik.

2. Keturunan

Maksud keturunan di sini ialah asal keturunan dan benih yang baik. Dalilnya ialah hadis Sahih sebelum ini yang menceritakan bahawa perempuan itu dikahwini kerana empat perkara. Salah satu daripadanya ialah keturunan.

Oleh itu kita disunatkan memilih pasangan yang baik keturunannya. Ini dapat membantu membina kehidupan rumahtangga yang berkekalan. Seseorang yang lahir dari keturunan yang baik berkemungkinan besar mempunyai

25 Riwayat Timizi dalam kitab nikah, bab apabila orang yang kamu redai agamanya datang meminang hendaklah kamu kahwinkannya, nombor 1084.

26 Riwayat Bukhari dalam kitab nikah, bab kufu dalam agama, nombor 4802; Muslim dalam bab galakan berkahwin dengan perempuan yang beragama, nombor 1466.

pergaulan yang baik kerana orang yang berketurunan baik akan melahirkan generasi yang berakhlak mulia; apabila dicintai dia akan menghormati dan apabila dia marah, dia tidak akan berlaku zalim.

3. Tidak berkahwin dengan saudara terdekat (kaum kerabat).

Imam Syafie menjelaskan, seseorang lelaki tidak digalakkan berkahwin dengan saudaranya yang terdekat.

Az-Zanjani menjelaskan perkara ini dengan katanya: "Di antara tujuan perkahwinan ialah menghubungkan ikatan persaudaraan untuk saling tolong-menolong di antara satu sama lain. Perkara ini berlaku di kalangan keluarga terdekat tanpa perlu kepada ikatan perkahwinan."

Diriwayatkan: "*Jangan berkahwin dengan saudara yang terdekat kerana anak yang dilahirkan adalah kurang cergas.*" Ini berlaku kerana syahwat terhadap kaum-kerabat yang terdekat adalah lemah. Perkara ini dinyatakan oleh Syarbini di dalam huraianya terhadap *matan minhaj* karangan Iman Nawawi.

سرميني
- Namun Ibnu Solah berkata, hadis *Su* tidak mempunyai sa'ndaran yang muktamad. Hadis ini disebutkan oleh Ibnu Athir dalam kitabnya '*An-Nihayah fi Gharib al-Hadis wal Athar*'.

Walaupun bagaimanapun, perkahwinan seumpama ini tidaklah dicela kerana Nabi s.a.w. telah mengahwinkan Fatimah dengan Ali bin Abi Talib r.a.. Nabi s.a.w. melakukannya untuk menerangkan bahawa hukumnya adalah harus. Atau Nabi melakukannya kerana hubungan di antara kedua-duanya tidaklah terlalu rapat kerana Fatimah adalah anak sepupu Ali. Secara umumnya hubungan di antara keduanya agak jauh.

4. Sekufu

Yang dimaksudkan dengan *sekufu* ialah persamaan di antara calon suami dan isteri dari beberapa sudut:

- a. Beragama dan baik. Maksudnya lelaki yang fasik tidak *sekufu* dengan perempuan yang solehah. Firman Allah Taala:

أَفَمَنْ كَانَ مُؤْمِنًا كَمَنْ كَانَ فَاسِقًا لَا يَسْتَوُونَ ﴿١٨﴾

"Adakah orang yang beriman sama seperti orang fasik? Mereka tidaklah sama." (As Sajadah: 18)

- b. Pekerjaan. Lelaki yang mempunyai kerja yang rendah seperti tukang sapu, tukang bekam dan pengembala kambing tentulah tidak setaraf dengan anak perempuan lelaki alim, qadi dan tokoh korporat.
- c. Tidak mempunyai kecacatan yang boleh menyebabkan berlakunya fasakh dalam perkahwinan. Contohnya lelaki yang gila dan berpenyakit kusta tidak

setaraf dengan perempuan yang tidak mempunyai penyakit tersebut.

Sekufu adalah hak perempuan dan walinya. Walaupun ia bukan syarat sah perkahwinan, ia perlu ada untuk mengelakkan wanita dan wali menanggung malu. Ia juga sebagai satu jaminan untuk kekalnya kehidupan bersuami isteri kerana cara hidup kedua-duanya hampir sama. Mereka tidak perlu lagi mengubah kebiasaan hidup mereka.

Wanita dan walinya boleh meninggalkan syarat ini. Jika wanita tersebut dikahwinkan oleh wali dengan keredaannya dengan seorang yang tidak *sekufu* dengannya, nikahnya adalah sah. Ini kerana *sekufu* adalah hak wanita dan hak wali. Tidak ada sesiapa yang boleh menghalang mereka jika mereka bersetuju meninggalkan syarat ini. Nabi memberi isyarat supaya meraikan hak *sekufu* ini dengan sabdanya yang bermaksud:

*"Pilihlah bagi permata-permata kamu (anak-anak perempuan kamu) dan kahwinkanlah dengan yang sekufu dan kahwinkanlah mereka kepadanya."*²⁷

5. Perawan (masih dara)

Perawan ialah perempuan yang masih belum berkahwin. Nabi menjelaskan kenapa perlu memilih anak dara. Sabda Nabi s.a.w.:

عَلَيْكُمْ بِالْأَبْكَارِ فَإِنَّهُنَّ أَغْذَبُ أَفْوَاهًا وَأَتْقَى أَرْحَامًا وَأَرْضَى بِالْيَسِيرِ

*"Hendaklah kamu memilih perempuan yang masih dara kerana mereka menuturkan kata-kata yang baik, mampu mempunyai anak yang ramai dan lebih reda kepada kehidupan yang susah."*²⁸

Jabir r.a. menceritakan: "Aku telah berkahwin dengan seorang wanita pada zaman Nabi s.a.w.. Aku berjumpa dengan Nabi s.a.w. dan Baginda bertanya: "Wahai Jabir, adakah kamu telah berkahwin?" Jawabku: "Ya." Nabi s.a.w. bertanya pula: "Kamu berkahwin dengan anak dara atau janda?" Jawabku: "Dengan seorang janda." Nabi s.a.w. bertanya lagi: "Kenapa tidak dengan anak dara, kamu boleh bergurau dan bermain dengannya?" Aku menjawab: "Wahai Rasulullah, aku mempunyai ramai adik-beradik perempuan. Aku takut ia akan merosakkan hubungan di antara aku dengan mereka." Nabi berkata: "Ia terpuang kepada kamu. Sesungguhnya perempuan dikahwini kerana agama, harta benda dan kecantikannya. Hendaklah kamu memilih agamanya, kamu memerlukannya."²⁹

27 Riwayat Hakim dalam kitab nikah, bab pilihlah bagi permata-permata kamu..., 2/163. Beliau mensahihkannya

28 Riwayat Ibn Majah dalam kitab nikah, bab kahwinilah perempuan yang masih dara, nombor 1860

29 Riwayat Bukhari dalam kitab nikah, bab berkahwin dengan janda; Muslim dalam kitab penyusunan, bab galakan berkahwin dengan perempuan yang beragama.

Oleh itu, seseorang lelaki disunatkan berkahwin dengan anak dara kerana hati mereka akan jinak dengan orang pertama yang digaulinya.

Perempuan yang subur. Kesuburan seseorang perempuan boleh diketahui dengan melihat kepada keluarganya seperti adik-beradik perempuan, ibu saudaranya dan sebagainya. Lelaki yang berpotensi mempunyai ramai anak juga dapat diketahui dengan melihat kepada keluarganya. Sabda Rasulullah s.a.w.:

تَزَوَّجُوا الْوَدُودَ الْوَالِدِ إِلَيَّ مُكَابِرِ الْأُمَمِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

*"Kahwinilah perempuan pengasih dan subur kerana aku berbangga dengan umat yang ramai pada hari akhirat nanti."*³⁰

B. Melihat bakal isteri.

Di antara perkara sunat yang digalakkan oleh Islam ialah seseorang lelaki melihat perempuan yang ingin dikahwininya sebelum peminangan. Ini disunatkan jika lelaki tersebut benar-benar berniat untuk mengahwininya dan berharap peminangannya akan diterima. Syarak membenarkan lelaki tersebut melihatnya tanpa meminta kebenaran dan tanpa pengetahuannya supaya dia tidak berhias terlebih dahulu. Jika perempuan tersebut berhias, tujuan melihat tidak akan tercapai.

Lelaki tersebut boleh melihat bakal tunangnya dua atau tiga kali jika dia perlu melihat keadaan wanita tersebut dengan lebih jelas lagi. Ini dilakukan untuk mengelakkan kekecewaan selepas berkahwin. Ini kerana biasanya, matlamat yang dikehendaki tidak tercapai dengan sekali pandang.

Nabi bersabda kepada Mughirah bin Syu'bah sewaktu dia berazam untuk meminang seorang wanita:

انظُرْ إِلَيْهَا فَإِنَّهُ أَحْرَى أَنْ يُؤَدَمَ بَيْنَكُمَا بَيْنَكُمَا

*"Lihatlah perempuan itu semoga ia akan mengekalkan kasih sayang di antara kamu berdua."*³¹

Sahal bin Saad r.a. berkata: "Seorang perempuan datang menemui Nabi dan berkata: "Wahai Rasulullah! Aku datang untuk menyerahkan diriku kepadamu." Nabi memerhatikan perempuan itu atas dan bawah kemudian baginda menundukkan kepalanya".³²

30 Riwayat Ahmad, Ibnu Hibban dan Hakim; beliau mensahihkan sanadnya. Lihat al-Mustadrak kitab nikah, bab kahwinilah perempuan yang subur serta pengasih (2/162)

31 Riwayat Tirmizi dan beliau mengatakan hadis hasan dalam kitab nikah, bab hadis-hadis berkaitan dengan melihat tunang, nombor 1087; ibn Majah dalam kitab nikah, bab melihat perempuan yang ingin dikahwini, nombor 1865; dan selain mereka berdua.

32 Riwayat Bukhari dalam kitab nikah, bab melihat perempuan sebelum berkahwin, nombor 4833; Muslim dalam kitab nikah, bab harus mas kahwin dalam bentuk mengajar al-Quran, nombor 1524

Maksud *menyerahkan diriku kepadamu* ialah aku serahkan urusan diriku kepadamu, sama ada kamu mengahwini aku tanpa mas kahwin ataupun kamu mengahwinkan aku dengan sesiapa yang engkau rasa sesuai. Maksud *baginda menundukkan kepalanya* ialah setelah melihat perempuan tersebut baginda tidak lagi mengulangi perbuatannya memerhati perempuan tersebut.

Abu Hurairah r.a. berkata: "Ketika aku berada bersama Nabi s.a.w., Baginda didatangi seorang lelaki dan memberitahu bahawa dia berkahwin dengan seorang perempuan Ansar. Nabi bertanya: "Adakah kamu telah melihat perempuan itu?" Beliau menjawab: "Tidak." Nabi bersabda: "Pergi dan lihatlah perempuan itu kerana sesungguhnya matz orang-orang Ansar itu berbeza dengan mata orang lain (yang dia mungkin tidak berkenan)."³³

Abu Humaid as-Saidi r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا حَظَبَ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَنْظُرَ إِلَيْهَا إِذَا كَانَ إِيمًا يَنْظُرُ
إِلَيْهَا لِحِطَّتِيهِ وَإِنْ كَانَتْ لَا تَعْلَمُ

"Jika salah seorang daripada kamu ingin meminang seorang wanita, dia tidak berdosa jika melihat wanita tersebut untuk meminangnya, sekalipun perempuan itu tidak mengetahuinya." Riwayat Ahmad 5/424

Wanita juga berhak melihat lelaki jika dia ingin berkahwin dengan lelaki tersebut supaya dia boleh melihat keadaannya dengan lebih jelas agar tidak menyesal selepas berkahwin. Sesungguhnya perempuan juga tertarik dengan beberapa sifat seseorang lelaki sebagaimana lelaki tertarik dengan beberapa sifat seseorang perempuan.

Batas-batas seorang lelaki melihat bakal isterinya.

Seseorang lelaki tidak diharuskan melihat bakal tunangnya melainkan muka dan tapak tangannya (depan dan belakang). Muka dan tapak tangan adalah anggota zahir yang dimaksudkan oleh firman Allah:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

"Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan yang zahir padanya." (An-Nur 31)

Hikmat pandangan hanya dihadkan kepada muka dan tapak tangan sahaja ialah kerana muka menunjukkan kecantikan dan tapak tangan memperlihatkan kesuburan badan dan kelembutannya.

33 Riwayat Muslim dalam kitab nikah, bab sunat memandang muka dan tangan perempuan yang ingin dikahwini, nombor 1424

Sekiranya dia tidak berpeluang melihatnya sendiri, dia boleh menghantar seorang wanita untuk melihat dan menceritakan sifat-sifat wanita tersebut kepadanya. Rasulullah s.a.w. pernah menghantar Ummu Sulaim untuk melihat seorang wanita dan Baginda s.a.w. berkata kepadanya:

"Lihatlah kedua-dua ketingnya dan ciumlah bau badannya."

Difahami daripada hadis di atas, perempuan yang dihantar oleh lelaki untuk melihat bakal tunangnya boleh melihat lebih daripada apa yang boleh dilihat oleh lelaki itu sendiri. Faedahnya tentulah lebih banyak lagi.

Hukum melihat perempuan ajnabi (bukan mahram)

Lelaki yang baligh, berakal, tidak dalam keadaan terpaksa, sama ada tua atau lemah, serta lelaki yang hampir baligh haram melihat mana-mana anggota badan perempuan dewasa yang bukan mahramnya. Maksud perempuan dewasa ialah perempuan yang boleh menaikkan nafsu syahwat walaupun belum baligh. Lelaki juga tidak boleh melihat wanita tersebut walaupun muka dan tapak tangan, sekalipun pandangan itu tidak menimbulkan fitnah menurut pendapat yang sahih di dalam mazhab Syafie. Perempuan juga diharamkan melihat lelaki yang bukan mahramnya tanpa tujuan. Firman Allah Taala:

قُلْ لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِّنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣١﴾ وَقُلْ لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ

"Katakanlah (wahai Muhamad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada melihat yang haram) dan memelihara kehormatan mereka." (An-Nur: 30-31)

"Ummu Salamah r.a. berkata: Aku bersama Maimunah r.a. berada bersama Nabi s.a.w.. Apabila Ibnu Ummi Maktum datang, Baginda bersabda: "Kamu berdua hendaklah berhijab daripadanya." Aku berkata: "Wahai Nabi Allah tidakkah dia buta, tidak boleh melihat dan tidak mengenali kita?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Adakah kamu berdua juga buta? Tidakkah kamu boleh melihatnya?"³⁴

Jika melihat diharamkan sudah tentu memegangnya juga diharamkan kerana ia lebih menyeronokkan dan lebih menaikkan nafsu.

Melihat kanak-kanak perempuan kecil yang tidak menimbulkan syahwat dan melihat lelaki yang belum baligh tidak diharamkan kecuali melihat kemaluan mereka. Ini kerana melihat mereka tidak menaikkan syahwat. Oleh itu memandangnya tidak diharamkan.

Hukum melihat mahram

Seseorang lelaki diharuskan melihat perempuan mahramnya kecuali anggota di antara pusat dan lutut. Seseorang perempuan juga boleh melihat lelaki yang menjadi mahramnya kecuali di antara pusat dan lututnya.

Bilakah lelaki boleh melihat perempuan yang bukan mahram?

Hukum yang lalu mengatakan, lelaki haram melihat dan menyentuh perempuan bukan mahram tanpa sebarang hajat dan keperluan. Sekiranya seseorang lelaki perlu melihat atau menyentuh perempuan kerana sesuatu keperluan, ia dibenarkan. Hajat dan keperluan adalah timbul dalam perkara-perkara berikut:

1. Untuk keperluan perubatan. Ia diharuskan kerana pengharamannya membawa kepada kesulitan. Islam adalah agama yang mudah dan ia mengenyepikan perkara-perkara yang menyusahkan. Firman Allah:

وَمَا جَعَلْ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung keberatan dan susah payah dalam perkara-perkara agama." (Al-Hajj: 78)

Oleh itu dibenarkan melihat di tempat sakit yang memerlukan perubatan.

Jabir r.a. menceritakan bahawa Ummi Salamah meminta izin daripada Nabi untuk berbekam. Nabi memerintahkan Abu Tibah melakukannya.²⁵

Oleh itu doktor lelaki boleh mengubati pesakit wanita jika keadaan mendesak dan tidak ada doktor wanita yang boleh mengubatinya. Begitu juga sebaliknya. Walau bagaimanapun, doktor lelaki tidak boleh mengubati pesakit wanita melainkan dengan kehadiran mahram atau suami wanita itu atau dengan kehadiran seorang wanita lain yang boleh dipercayai.

Jika ada doktor beragama Islam, kita tidak boleh berubat dengan doktor yang bukan Islam.

2. Ketika berjual beli. Iaitu apabila ada keperluan untuk mengenali wanita tersebut dan dia tidak dapat dikenali melainkan dengan dilihat.

3. Untuk penyaksian sama ada ketika menjadi saksi atau ketika memberi keterangan kerana penyaksian tidak sempurna tanpa melihat kepada tertuduh dan pendakwa.
4. Ketika pembelajaran. Iaitu belajar atau mengajar perkara-perkara yang wajib atau sunat dipelajari kerana ilmu itu berfaedah dari sudut syarak.

Jika memandang dan memegang dibenarkan sebagaimana yang telah disebutkan, pandangan itu hendaklah sekadar memenuhi keperluan sahaja. Pandangan diharuskan kerana *darurah* dan keperluan. *Darurah* dan keperluan dibenarkan sekadar yang boleh menghilangkan kesusahan dan untuk melaksanakan matlamat.

☞. Peminangan

Apabila seseorang lelaki benar-benar tertarik dengan sifat-sifat baik seseorang wanita serta timbul keinginan untuk berkahwin setelah melihat wanita tersebut, kini tibalah masa untuk meminang.

Meminang bermaksud seseorang lelaki menyatakan keinginannya untuk berkahwin kepada wanita yang ingin dikahwininya.

Bilakah pinangan dihalalkan dan bila diharamkan

1. Meminang dihalalkan secara *tasrih* (terus terang) atau *ta'rid* (membayangkan) jika perempuan itu bukan isteri orang, tidak berada dalam edah dan bukan perempuan yang haram dikahwini sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini.
2. Dihalalkan meminang secara *ta'rid* (membayangkan) sahaja jika perempuan yang ingin dipinang berada dalam edah kematian suami atau edah disebabkan *talak bain*. Firman Allah Taala yang bermaksud:

"Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sendirian), untuk meminang perempuan-perempuan (yang kematian suami dan masih di dalam edah), atau kamu menyimpan di dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut (atau mengingati) mereka, (yang demikian itu tidaklah salah), akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka di dalam sulit, selain dari menyebutkan kata-kata (secara) sendirian yang sopan. Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis edah yang ditetapkan itu. Dan ketahuilah bahawa Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu, maka beringat-ingatlah kamu akan kemurkaannya, dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah amat pengampun lagi amat penyabar." (Al-Baqarah: 235)

3. Diharamkan meminang secara *tasrih* atau *ta'rid* selain dari dua keadaan di atas.

Oleh itu haram meminang perempuan yang masih bersuami. Juga diharamkan meminang semua perempuan yang haram dikahwini sama ada haram untuk selama-lamanya atau haram untuk sementara waktu sahaja.

Haram juga meminang perempuan yang masih dalam talak *raf'ie* sama ada secara *tasrih* atau *ta'rid* kerana dia masih lagi bergelar isteri dan suaminya berhak untuk kembali rujuk kepadanya. Firman Allah Taala:

وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا

"Dan suami-suami mereka berhak mengambil kembali (rujuk akan) isteri-isteri itu dalam masa edah mereka jika mereka (suami-suami) bertujuan hendak berdamai". (Al-Baqarah: 228)

Makna pinangan secara tasrih

Lafaz *tasrih* ialah lafaz yang hanya mempunyai satu tafsiran sahaja iaitu keinginannya untuk berkahwin. Lafaz *tasrih* adalah seperti 'aku ingin mengahwini kamu' atau 'selepas habis edahmu, aku akan mengahwinimu.'

Makna pinangan secara ta'rid

Lafaz *ta'rid* ialah lafaz yang boleh ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran; sama ada sebagai keinginan untuk berkahwin atau sebaliknya seperti 'awak cantik' atau 'Ramai orang sukakan awak' atau seumpamanya.

Meminang perempuan yang telah dipinang

Haram meminang perempuan yang telah dipinang oleh orang lain sekiranya pinangan tersebut telah diterima. Walaupun begitu peminangan boleh dilakukan sekiranya lelaki pertama memberikan keizinan kepada lelaki kedua untuk meminang.

Sekiranya pinangan lelaki pertama tidak dijawab (tidak diketahui sama ada pinangannya diterima atau tidak), pinangan lelaki kedua adalah diharuskan.

Sekiranya seorang lelaki meminang seorang perempuan yang telah dipinang oleh orang lain dan kemudiannya lelaki kedua menikahi perempuan tersebut, akad nikahnya tetap sah. Walaupun begitu dia tetap menanggung dosa perbuatannya meminang perempuan yang telah dipinang.

Dalil haram perkara itu adalah berpandukan hadis Nabi Muhamad s.a.w.:

وَلَا يَخْطُبُ الرَّجُلُ عَلَى حِطْبَةِ أُخِيهِ حَتَّى يَتْرُكَ الْخَاطِبُ قَبْلَهُ أَوْ يَأْذَنَ لَهُ
الْخَاطِبُ